

24 MAY 1996

Mahathir-Perwaja

PENYELEWENGAN PERWAJA TIDAK DILINDUNGI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi yang kerajaan tidak akan menyembunyikan apa jua penyelewengan yang menyebabkan kerugian besar dalam syarikat milik kerajaan Perwaja Steel Sdn Bhd.

Tindakan undang-undang akan diambil terhadap sebarang salah laku, katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya daripada lawatan kerja 12 hari ke Jepun dan Amerika Syarikat.

Kerajaan, bagaimanapun, tidak akan mengundur diri daripada memajukan industri besi waja dalam negara walaupun jejarinya telah terbakar kerana industri itu amat penting dalam memajukan perindustrian mana-mana negara.

Katanya Malaysia bukan negara tunggal yang telah mengalami kerugian daripada pelaksanaan industri itu. Semua negara Eropah telah mengalami kerugian yang sama dan kini mula mengatasi kerugian itu manakala industri besi waja Amerika Syarikat telah musnah dan sekarang bergantung kepada kilang-kilang kecil.

"Ia bukan satu industri yang mudah untuk diceburi. Ia memerlukan kemahiran, pengurusan, kepakaran dan keikhlasan, segala-galanya," katanya, dan menambah kata bahawa beliau akan berbincang dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengenai tindakan selanjut yang akan diambil untuk menyelamatkan kilang besi waja raksasa itu.

Anwar memberitahu Parlimen dua hari lepas bahawa Perwaja Steel tidak lagi menguntungkan selepas mengalami kerugian sebanyak RM2,980 juta dan RM6,939 juta dalam liabiliti.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan mengkaji cadangan Price Waterhouse untuk menyusun semula Perwaja yang termasuk penswastaan atau usahasama.

Empat syarikat telah menunjukkan minat menyelamatkan Perwaja. Syarikat-syarikat itu ialah Kumpulan Lion, Renong Bhd, Syarikat Maju Holding dan Wing Tiek Holding Bhd.

Mengenai cadangan Malaysia untuk melancarkan satelit-micro pada 1998, beliau berkata kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengadakan usahasama dengan India.

Projek itu adalah di bawah Bahagian Sains Jabatan Perdana Menteri. Arianespace, yang melancarkan satelit pertama, Measat, awal tahun ini, telah bersetuju untuk berkongsi kos pelancaran kedua-dua satelit-micro itu.

Dr Mahathir, yang mempromosi cadangan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia di Jepun dan AS, berkata kerajaan akan membuat susulan dengan menentukan prasarana telekomunikasi yang cukup dapat disediakan supaya syarikat-syarikat dapat menubuhkan ibupejabat mereka.

-- BERNAMA

TCL WAT AHH